

**Kecekapan Pengurusan Kewangan Dan Pengurusan Agihan Zakat: Kajian Terhadap  
Majlis Agama Islam Johor (*Efficiency Of Financial And Zakat Distribution  
Management: A Study At Johor Islamic Religious Council*)**

Ahmad Fathi Aminuddin<sup>a</sup>, Hairunnizam Wahid<sup>b</sup>, Mohd Ali Mohd Nor<sup>c</sup>

*Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia<sup>a,b,c</sup>*

fathiaddin@gmail.com; hairun@ukm.edu.my; ali@ukm.edu.my

---

**Article history**

Received: 2017-01-09

Received in revised form: 2017-06-14

Accepted: 2017-07-04

**Abstract**

The current situation shows that there is still a negative perception among Muslim societies towards zakah institutions in Malaysia. Several previous studies have shown that the negative perception still exists due to the lack of confidence among the societies against the zakah institutions in term of the efficiency of financial management as well as zakah distribution management to asnaf. The response is likely to exist due to some of the negative issues that still occur, such as the efficiency of zakat distribution by the State Islamic Council (MAIN) including the issue of excess amount zakah that are not distributed annually and the distribution of zakat to eight groups of asnaf including the issue of asnaf priority that should be paid attention by zakat institutions. Thus, a study was conducted to measure the efficiency of financial management and the zakah distribution management by Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), using cash flow ratio as a proxy for financial performance and categorizing the performance efficiency of the zakat distribution into two; namely financial efficiency (excess of zakat annually) and non-finance (asnaf priority). A simple regression model is also used to view MAINJ's zakat distribution pattern every year. This study uses the annual financial statement and the data of zakat collection and distribution by MAINJ for the year 2000 to 2013. The findings show that the performance of zakat distribution in financial aspect has increased from year to year indicating improvement of MAINJ's financial performance. While from the non-financial distribution aspect, the average score of zakat distribution was at the best value indicating the amount of zakat allocated following the priority of the asnaf as suggested by Imam As-Syafie. The results of the study can be used as a benchmark of performance efficiency of financial management and efficiency of the zakat distribution management for zakat institutions, especially MAINJ in order to improve the performance of zakat distribution in Johor and Malaysia in general.

*Keywords: MAINJ, the ratio of cash flow, efficiency asnaf priority, the excess of zakat distribution*

## **Abstrak**

Situasi semasa menunjukkan masih wujud tanggapan negatif dalam kalangan masyarakat Islam terhadap institusi zakat di Malaysia. Beberapa kajian terdahulu menunjukkan bahawa tanggapan tersebut masih wujud disebabkan antaranya ketidakpercayaan masyarakat terhadap institusi zakat dari segi pengurusan kewangan institusi zakat serta kecekapan pengurusan dalam mengagihkan zakat kepada asnaf tertentu. Tanggapan tersebut wujud berkemungkinan disebabkan oleh beberapa isu negatif yang berlaku seperti kecekapan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) termasuklah isu lebih zakat tahunan yang banyak tidak diagihkan serta pengagihan zakat kepada lapan golongan asnaf termasuklah isu keutamaan asnaf yang perlu diberi perhatian oleh institusi zakat. Justeru, kajian telah dijalankan bagi menilai prestasi kecekapan pengurusan kewangan dan agihan Zakat bahagian zakat bagi Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). Menggunakan nisbah aliran tunai sebagai proksi prestasi kewangan dan mengkategorikan prestasi kecekapan agihan institusi zakat kepada dua iaitu kecekapan agihan berbentuk kewangan (lebih zakat tahunan) dan bukan kewangan (keutamaan asnaf). Model regresi mudah juga digunakan untuk melihat corak agihan zakat MAINJ setiap tahun. Kajian ini menggunakan data laporan kewangan tahunan dan kutipan dan agihan zakat MAINJ bermula tahun 2000 sehingga 2013. Hasil kajian mendapati prestasi agihan zakat berbentuk kewangan mengalami peningkatan dari tahun ke tahun disamping peningkatan prestasi kewangan MAINJ. Manakala dalam aspek agihan bukan kewangan menunjukkan purata skor agihan zakat berada pada nilai terbaik menunjukkan wang zakat diagihkan mengikut kepentingan kategori asnaf mazhab As-Syafie. Hasil daripada kajian boleh dijadikan sebagai salah satu kayu ukur prestasi kecekapan pengurusan kewangan dan kecekapan agihan zakat oleh institusi zakat khususnya MAINJ dalam usaha meningkatkan prestasi agihan zakat di Johor dan Malaysia amnya.

*Kata Kunci:* Majlis Agama Islam Negeri Johor, nisbah aliran tunai, kecekapan keutamaan asnaf, lebih agihan zakat

## 1.0 PENGENALAN

Zakat merupakan satu kewajipan dan salah satu bentuk ibadah yang di tuntut keatas setiap Muslim yang berkemampuan. Dan tuntutan tersebut berbentuk menyerahkan sebahagian harta kepada mereka yang memerlukan seperti yang telah ditetapkan dalam Al-Quran. Ia juga merupakan salah satu bentuk instrument kewangan dan sumber pembangunan ekonomi Islam. Bukti zakat sebagai sumber pembangunan ekonomi dapat dilihat pada konteks pembahagian kekayaan dalam sesebuah negara apabila zakat ini dikenakan kepada harta seseorang. Dengan kata lain zakat dikenakan atas orang yang berharta dan kaya yang seterusnya akan di agihkan kepada kepada golongan asnaf tertentu yang memerlukan seperti di nyatakan dalam Al-Quran. Asnaf bagi zakat (penerima zakat) hanya boleh diterima oleh lapan golongan seperti yang dinyatakan dalam surah at-Taubah, ayat 60 iaitu *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masakin* (orang miskin), amil, *muallaf*, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang dibebani hutang), *fisabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah) dan *ibn sabil* (musafir di perjalanan). Menurut mazhab Imam Syafie, zakat juga memadai diagihkan kepada sekurang-kurangnya tiga golongan sahaja yang mana golongan ketiga adalah amil. Secara umumnya terdapat empat golongan yang perlu diutamakan terlebih dahulu dalam pengagihan dana zakat iaitu *al-fuqara* (golongan fakir), *al-masakin* (golongan miskin), *al-gharimin* (golongan berhutang), dan *ibn sabil* (golongan bermusafir) (Mohamad Uda, 2005; Eza Ellany et al. 2014). Justeru amil akan mengambil tempat ketiga selepas asnaf fakir dan miskin berdasarkan hujah sekurang-kurangnya agihan dilaksanakan kepada tiga golongan asnaf. Berlandaskan keutamaan ini, bagi mencapai keadilan yang optimum, institusi zakat perlu memastikan dana zakat diagihkan terlebih dahulu kepada kelima-lima asnaf di atas sebelum asnaf selebihnya yang dinyatakan dalam Al-Quran.

Pengurusan zakat di Malaysia secara amnya diuruskan oleh badan-badan pengurusan zakat mengikut setiap negeri dan ianya di bawah bidang kuasa negeri seperti yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan: Jadual Kesembilan, Senarai 2: Senarai Negeri, yang menyenaraikan perkara-perkara berkaitan urusan wasiat, zakat, baitulmal dan sebagainya. Setiap negeri mempunyai sistem pentadbiran dan pengurusan zakat tersendiri dalam memastikan pengurusan dana zakat diuruskan dengan baik dan cekap serta mampu menstabilkan lagi pembangunan ekonomi sama ada ia merupakan badan koporat mahupun dibawah seliaan majlis agama Islam negeri. Walau bagaimanapun, institusi zakat masih belum mampu memberikan keyakinan kepada masyarakat Islam mengenai kewajipan membayar zakat dan kewibawaan institusi zakat dalam menguruskan kutipan dan agihan zakat. Antara punca adalah berlakunya ketidakcekapan agihan dan pengurusan zakat institusi zakat itu sendiri. Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan berkaitan dengan persepsi pengurusan institusi zakat. Kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa isu tentang persepsi masyarakat terhadap keberkesanan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merupakan antara faktor yang menurunkan kadar kutipan zakat oleh pusat zakat kerana terdapat diantara masyarakat yang mencari jalan alternatif untuk membayar zakat iaitu dengan mengagihkan zakat terus kepada asnaf (Sanep & Hairunnizam 2005).

Rasional kajian dilakukan adalah menguji kecekapan dalam pengurusan kewangan majlis agama dan institusi zakat dalam mengagihkan dana zakat, kerana sekiranya berlaku ketidakcekapan maka akan mewujudkan persepsi yang kurang baik terhadap keduanya. Kurangnya kajian mengenai prestasi pengurusan kewangan majlis agama Islam negeri di Malaysia khususnya di Johor dan hubungannya dengan prestasi agihan zakat dalam bentuk agihan kewangan dan bukan kewangan menjadi salah satu objektif kajian ini dilakukan. Kajian ini menjangkakan terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua prestasi tersebut. Pengurusan zakat di Negeri Johor pada awal dikenali sebagai *Naqib Az-Zakat* yang ditubuh pada tahun 1957 sebelum ditukar nama kepada Jawatan Kuasa Zakat dan Fitrah pada tahun 1962 yang berperanan dalam menguruskan kutipan dan agihan zakat di Negeri Johor. Pada tahun 1978 pengurusan zakat Negeri Johor telah diletakkan dibawah selian pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dengan berkuatkuasanya Enakmen Pentadbiran Islam 1978. Pengurusan zakat terus ditabir oleh MAINJ sehingga kini seperti mana yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003 Bahagian VI.

MAINJ telah ditubuhkan pada tahun 1925 di bawah kuasa Bahagian 4, Bab 15, Lembaga Aturan Bagi Pemerintahan Raja. Fungsi awal penubuhannya adalah menguruskan hal ehwal Agama, memberi khidmat nasihat mengenai adat istiadat Raja memberi pelajaran dan pendidikan kepada kerabat Di Raja dan menguruskan kebajikan masyarakat Islam. Selain itu antara fungsi utamanya adalah menguruskan dan mentadbir Kumpulan Wang Zakat & Fitrah dan mengagihkan mengikut asnaf, mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang / Harta Baitulmal. Mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang Wakaf sebagai Pemegang Amanah Wakaf. Pada tahun 1936 perlantikan Ahli Majlis dikuatkuasakan melalui Warta Kerajaan. Dengan itu fungsi Majlis adalah sebagai Penggubal Dasar Agama Islam bagi Negeri Johor.

## **2.0 KAJIAN LEPAS**

Institusi Zakat merupakan institusi awam yang berautoriti dan diberikan kepercayaan untuk menguruskan dana zakat melalui kutipan daripada pembayar zakat dan agihan kepada golongan asnaf yang layak. Dalam memastikan kepatuhan masyarakat untuk membayar zakat, aspek kepercayaan terhadap kredibiliti institusi zakat amat diambil berat bagi memastikan kutipan zakat meningkat dan mencukupi untuk menampung asnaf yang memerlukan. Kepercayaan ini dibina oleh keberkesanan dan kecekapan Intitusi zakat yang mengurus dana zakat tersebut terutamanya dalam aspek agihan zakat. Kajian ini percaya aspek keyakinan dan kepercayaan masyarakat juga perlu diberikan perhatian sewajarnya oleh institusi zakat agar usaha memartabatkan rukun Islam yang ketiga serta dapat menambah baik sistem keberkesanan kutipan dan agihan zakat secara efektif dan efisien (Shahir & Adibah, 2010). Zakat sekiranya dilaksanakan dengan berkesan bukan hanya akan meningkatkan aspek rohani masyarakat sahaja, sebaliknya akan meningkatkan tahap sosio-ekonomi ummah. Patmawati, (2006) dan Mannan (2003), juga menyatakan dalam kajiannya iaitu aspek agihan zakat merupakan aspek yang sangat penting kerana dana daripada zakat ini dapat memberikan impak kepada masyarakat dan negara dalam memastikan kemiskinan dapat dibasmi dan mampu memcau pembangunan ekonomi sesebuah negara. Kajian oleh Hairunnizam, Mohd Ali dan Sanep (2005) mendapati kecekapan pengurusan institusi zakat terutamanya aspek agihan zakat adalah penting dalam memengaruhi kutipan zakat. Kajian tersebut juga menunjukkan sekiranya institusi zakat berjaya mengagihkan kutipan zakat secara cekap dan adil maka masyarakat cenderung untuk membayar zakat dan jumlah kutipan zakat sesebuah negeri akan meningkat. Walaubagaimanapun terdapat kajian yang menunjukkan masih wujud persepsi kurang baik masyarakat terhadap institusi zakat ini seperti kajian yang dijalankan oleh Hairunnizam, Sanep dan Radiah (2009) menunjukkan responden tidak membayar zakat berkemungkinan tidak berpuas hati dengan pengagihan zakat oleh institusi zakat.

Bagi memastikan persepsi yang tidak baik masyarakat tidak terus memberikan kesan terhadap kadar kutipan zakat kepada institusi zakat, aspek prestasi kecekapan pengurusan perlu diambil berat terutamanya kecekapan pengurusan agihan dan pengurusan kewangan institusi zakat tersebut kerana aspek kecekapan pengurusan kewangan dan kecekapan pengurusan kutipan dan agihan zakat kedua-dua aspek ini adalah sangat penting dalam memastikan sesebuah institusi zakat dapat berjalan dengan baik. Antara kajian yang membincangkan mengenai prestasi kecakapan institusi zakat seperti kajian oleh Md Hussain, et. al. (2012). Walaubagaimanapun, kajian ini hanya mengkaji kecekapan tadbir urus institusi zakat dan masalah keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat sahaja dan tidak melihat kepada aspek kecekapan agihan zakat. Kajian lepas berkaitan prestasi kecekapan institusi zakat, tumpuan terhadap kecekapan agihan masih kurang (Eza Ellany et. al, 2014). Selain itu kajian oleh Hairunnizam et. al, (2009) hanya mengkaji persepsi masyarakat terhadap kecekapan agihan dalam mempengaruhi kutipan zakat. Manakala kajian Norazlina dan Abd Rahim (2011) membincangkan kecekapan institusi zakat keseluruhannya dan tidak memfokus kepada prestasi agihan.

Kajian ini juga menumpukan kepada prestasi kecekapan pengurusan kewangan majlis agama Islam negeri (MAIN) sebagai badan induk yang bertanggungjawab dalam menguruskan zakat di sesebuah negeri khususnya Negeri Johor. Prestasi kecekapan pengurusan agihan zakat oleh institusi

zakat berkait rapat dengan prestasi pengurusan kewangan institusi tersebut. Maka MAIN perlu memastikan kedudukan kewangannya berada dalam kedudukan yang baik bagi memastikan kelancaran operasinya terutamanya dalam pengurusan kutipan dan agihan zakat. Analisis kewangan hendaklah dijalankan dengan sebaiknya terutamanya berkaitan dengan pemilihan, penilaian dan tafsiran data kewangan, dengan maklumat yang berkaitan untuk membantu membuat keputusan dalam pelaburan dan kewangan. Menurut kajian oleh Faiz et. al. (2014), analisis kewangan boleh digunakan secara dalaman untuk menilai isu-isu seperti prestasi pekerja, kecekapan operasi dan dasar-dasar kredit, dan secara luaran untuk menilai potensi pelaburan dan kredit kepercayaan peminjam. Dalam kajian tersebut telah membandingkan prestasi kewangan MAIN dengan menggunakan nisbah tradisi dan nisbah aliran tunai antara Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak MAIPk dengan tujuan untuk mencari anomali dan menentukan fokus kepada perkara yang mempunyai kedudukan yang penting di dalam kedudukan kewangan Majlis Agama Islam sesebuah negeri. Penggunaan analisis nisbah aliran tunai hanya pada 1991 setelah dua tahun kemasukan penyata aliran tunai dalam laporan tahunan dimana sebelum itu nisbah kewangan menjadi alat utama dalam menganalisis kewangan sejak abad ke 19 (Faiz et. al. 2014). Dalam menentukan keberkesanan dan tahap daya saing di pasaran, analisis aliran tunai dianggap lebih berkesan kerana ia lebih dinamik (Maxwell, 2010; Faiz et al. 2014). Oleh itu kajian ini mengambil kaedah analisis aliran tunai sebagai proksi pengukuran prestasi kecekapan kewangan dengan melihat kepada kecairan, kesolvenan dan margin aliran tunai (keuntungan) serta pengukuran prestasi agihan zakat berbentuk kewangan dan bukan kewangan bagi institusi zakat dan limitasi kajian hanya kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) sahaja.

### 3.0 METODOLOGI

Kajian telah dijalankan dengan melakukan beberapa kaedah analisis dengan menggunakan data-data sekunder seperti laporan kewangan tahunan Majlis Agama Islam Johor (MAINJ) dan data jumlah kutipan dan agihan zakat tahunan yang diperolehi daripada bahagian kewangan dan bahagian zakat MAINJ. Data dan rujukan berkaitan telah digunakan analisis daripada tahun 2000 sehingga 2013. Kemudian, data dianalisis dalam menentukan prestasi kewangan MAINJ menggunakan kaedah analisis nisbah aliran tunai merujuk kepada kajian yang telah dijalankan oleh Faiz et. al. (2014). Penentuan kecekapan prestasi kewangan menggunakan kaedah analisis nisbah aliran tunai diukur melalui kecairan, kesolvenan dan keuntungan bagi kewangan MAINJ seperti di Jadual 1.

**Jadual 1 : Penerangan nisbah aliran tunai yang digunakan**

Nisbah	Formula	Penanda Aras	Ukuran
ATO kepada LS	ATO/LS	>0.4	Kecairan
ATO kepada JL	ATO/JL	>0.2	Kesolvenan
Margin Aliran Tunai	ATO/JP	nilai positif	Keuntungan

Nota: ATO = Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi, LS = Liabiliti Semasa, JL = Jumlah Liabiliti, JP = Jumlah Pendapatan, Penanda Aras ( menentukan nisbah yang sihat)  
 Sumber: Faiz, Hairunnizam & Sanep (2014)

Manakala bagi prestasi agihan zakat, kaedah pengukuran Skor Kecekapan Lebihan Zakat (SKORLZ) telah digunakan bagi menilai prestasi agihan zakat berbentuk kewangan dan kaedah pengukuran Skor Kecekapan Keutamaan Asnaf (SKORKA) bagi menilai prestasi agihan zakat berbentuk bukan kewangan berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Ellany et. al. (2014). Berdasarkan Persamaan (1), SKORLZ dibentuk berdasarkan nisbah antara jumlah wang zakat yang tidak diagihkan berbanding jumlah pungutan zakat. Data yang diperolehi daripada data kutipan dan agihan zakat MAINJ pada setiap hujung tahun.

Persamaan (1)

$$SKORLZ = \frac{\text{Jumlah Lebihan}^1}{\text{Jumlah Kutipan}}$$

Skor kecekapan lebihan zakat dibentuk dalam lingkungan nilai antara 0 hingga 1. Nilai 0 adalah nilai yang terbaik yang menunjukkan agihan berada di tahap kecakapan yang terbaik. Ini bermakna kutipan zakat pada tahun tersebut diagihkan secukupnya dan tidak berlaku lebihan pada agihan zakat. Walaubagaimanapun boleh berlaku keadaan agihan zakat pada tahun tertentu melebihi kutipan yang mana skor akan menunjukkan nilai dibawah kosong iaitu negatif. Hal ini menyebabkan berlaku ketidakecekapan dalam agihan zakat kerana lebihan pada agihan adalah kemungkinan ia diambil daripada lebihan kutipan yang tidak diagih pada tahun sebelumnya. Agihan yang cekap sepatutnya dilakukan pada tahun semasa kutipan wang zakat yang diperolehi ( Eza Ellany et. al, 2014).

Pengukuran prestasi agihan zakat juga dilakukan melalui analisis Skor kecekapan keutamaan asnaf (SKORKA). Kaedah pengukuran ini dibentuk berdasarkan keutamaan asnaf yang wajib didahulukan agihan zakat kepadanya seperti yang dinyatakan dalam Al-Qur'an dan As-sunnah, berpandukan mazhab yang diguna pakai di Malaysia iaitu Mazhab As-Syafi'e. Menurut pandangan Imam As-Syafi'e, keutamaan zakat perlu diberikan kepada empat golongan terlebih dahulu iaitu *al-fuqara'* (orang-orang fakir), *al-masakin* (orang-orang miskin), *al-gharimin* (orang-orang yang mempunyai hutang) dan *ibn-sabil* (orang yang bermusafir di perjalanan) (Mohamad Uda, 2005; dan Eza Ellany et. al, 2014). Seterusnya kedudukan amil akan mengambil tempat ketiga bagi keutamaan agihan zakat berdasarkan hujah yang mana sekurang-kurangnya zakat perlu diagihkan kepada tiga golongan asnaf sekiranya agihan zakat di uruskan oleh Imam atau Pemerintah. Berdasarkan hujah keutamaan yang perlu diberikan kepada golongan asnaf ini, institusi zakat perlu memastikan zakat di agihkan kepada kelima-lima golongan asnaf ini terlebih dahulu sebelum diagihkan kepada tiga golongan asnaf yang lain yang disebutkan dalam Al-Quran iaitu *muallaf* (orang yang hatinya dengan Islam/ orang baru peluk Agama Islam), *al-riqab* (hamba) dan *fisabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah). Berikut adalah persamaan yang dibentuk bagi Skor Keutamaan Asnaf (SKORKA) :

Persamaan (2)

$$SKORKA = \frac{\text{Jumlah perbezaan skor bagi 8 kategori asnaf}^2}{\text{Jumlah perbezaan skor maksimum (26)}}$$

Berdasarkan persamaan (2), SKORKA dibentuk dengan menjumlahkan perbezaan antara skor agihan sebenar Mazhab Imam As-Syafi'e (rujuk Jadual 2) dengan skor agihan MAINJ dan dibahagikan dengan jumlah perbezaan skor maksimum iaitu bernilai 26<sup>3</sup> yang diperolehi daripada skor kelapan-lapan kategori asnaf ini.

<sup>1</sup> Jumlah lebihan = Jumlah kutipan zakat – Jumlah Agihan Zakat

<sup>2</sup> Skor agihan sebenar – skor agihan MAINJ

<sup>3</sup> Rujuk pengiraan oleh Eza Ellany et. al (2014)

**Jadual 2 : Skor Agihan sebenar Mazhab Imam As-Syafi'e**

Kategori Asnaf	Skor Agihan
al-Fuqara'(orang fakir)	1
al-Masakin (orang miskin)	2
Amil	3
al-Gharimin (orang yang memiliki hutang)	4
Ibn sabil (musafir di perjalanan)	5
Muallaf	6
al-Riqab (hamba)	6
Fi-sabilillah (orang yang berjuang di jalan Allah)	6

Sumber: Eza Ellany et. al (2014)

Bagi melihat prestasi agihan zakat dengan lebih terperinci, analisis corak agihan zakat kepada setiap kategori asnaf dilakukan dan data dianalisis menggunakan regresi mudah kuasa dua terkecil mengikut kategori asnaf bagi melihat corak agihan zakat dan analisis data dilakukan sepanjang tempoh 14 tahun dari tahun 2000 sehingga 2013. Data-data kemudiannya dipersembahkan ke dalam bentuk jadual dan graf bagi menunjukkan corak dan penekanan dalam agihan zakat. Model yang digunakan bagi tujuan analisis data adalah seperti yang ditunjukkan dalam Model 1. (Sumber: Rashidah Unos et. al. 2015)

$$Y = a + bt \quad (\text{model 1})$$

Berdasarkan Model 1, Y adalah peratus agihan zakat mengikut asnaf yang terdiri daripada fakir, miskin, amil, *muallaf*, *al-riqab*, *al-gharimin*, *fi-sabilillah* dan *ibn sabil*, manakala t adalah nilai masa bagi corak.

#### 4.0 DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah menganalisis prestasi kecekapan agihan zakat di johor berdasarkan penilaian prestasi agihan dengan melihat kepada prestasi agihan berbentuk kewangan dan berbentuk bukan kewangan. Prestasi kecekapan agihan zakat diukur berdasarkan skor kecekapan lebihan zakat (prestasi agihan kewangan) dan skor kecekapan keutamaan asnaf (prestasi agihan bukan kewangan). Jadual 5 menunjukkan hasil analisis prestasi agihan zakat. Analisis dilakukan bagi mencapai objektif kajian iaitu menilai prestasi institusi zakat berdasarkan kedua-dua jenis prestasi agihan iaitu prestasi agihan berbentuk kewangan dan bukan kewangan. Hairunnizam et al. (2009), menyatakan bahawa agihan zakat yang optimum kepada 100 peratus (lebih bernilai 0.00) adalah agihan yang terbaik (Hairunnizam et al. 2009; dan Eza Ellany et. al, 2014). Selain itu Andrés-Alonso, Martín Cruz dan Romero-Merino (2006) menyatakan, kecekapan agihan berlaku apabila hampir kesemua derma yang diterima, dibelanjakan sepenuhnya untuk aktiviti-aktiviti dan projek-projek kebajikan yang dirangka.. Namun, Eza Ellany (2014) dalam kajian beliau berpendapat disebabkan ketiadaan sebarang penanda aras bagi menilai kecekapan agihan dari sudut lebihan zakat maka skor di bawah lingkungan 0.228 sudah dianggap berprestasi baik (Eza Ellany et al. 2014). Bagi skor kecekapan keutamaan asnaf pula Eza Ellany et al. (2014) berpendapat skor di bawah nilai 0.46 adalah skor kecekapan keutamaan asnaf terbaik berdasarkan kekerapan tertinggi nilai skor yang diperolehi dalam hasil kajian beliau. Kajian ini turut menjadikan nilai skor di bawah nilai 0.228 sebagai skor kecekapan lebihan zakat terbaik. Sekiranya terdapat skor yang bernilai negatif maka nilai tersebut akan digantikan dengan nilai 0 kerana tiada lebihan zakat semasa yang tidak diagihkan. Daripada penilaian yang dibuat, secara keseluruhannya prestasi pengurusan kewangan dan prestasi agihan zakat MAINJ menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa walaupun kadangkala ia menunjukkan nilai yang kurang konsisten.

Bagi prestasi pengurusan kewangan, dengan berpandukan kajian terdahulu menggunakan kaedah analisis aliran nisbah tunai dengan menentukan tahap prestasi kewangan melalui prestasi kecairan, kesolvenan dan keuntungan MAINJ. Berdasarkan Jadual 5 hasil kajian mendapati, bagi prestasi kecairan kewangan MAINJ adalah sangat baik pada tahun 2000 hingga 2001, 2003 hingga 2009 dan 2012 yang mana nilai nisbah kecairan melebihi nilai nisbah kecairan minimum 0.4 atau 40 peratus. Tahun 2012 mencatatkan nisbah kecairan sebanyak 6.89. Tahun 2002, 2010 dan 2013 mencatatkan nisbah kecairan dibawah nilai minimum penanda aras kecairan yang baik iaitu 40 peratus atau 0.4 dengan nilai masing-masing 0.09, 0.28 dan 0.32. Tahap kecairan negatif dicatatkan pada tahun 2011. Bagi analisis prestasi tahap kesolvenan kewangan MAINJ pula, tahap kesolvenan kewangan MAINJ tidak dapat diukur kerana penyata kewangan MAINJ hanya melaporkan item liabiliti semasa sahaja dan tiada melaporkan jumlah liabiliti keseluruhan. Nisbah margin aliran tunai merupakan penunjuk keupayaan penjanaan tunai yang lebih baik berbanding dengan nisbah lebihan pendapatan yang memberi tumpuan kepada akruan berdasarkan pendapatan perakaunan Faiz et. al.(2014). Hasil kajian mendapati nisbah margin aliran tunai menunjukkan tahap prestasi yang sangat baik. Hasil menunjukkan keseluruhan setiap tahun menunjukkan nisbah margin aliran tunai yang positif kecuali pada tahun 2011 mencatatkan nilai nisbah margin aliran tunai yang negatif iaitu 5.26 peratus. Nisbah margin aliran tunai tertinggi dicatatkan pada tahun 2002 iaitu 73.56 peratus.

Hasil kajian bagi prestasi agihan zakat berbentuk kewangan MAINJ secara keseluruhan menunjukkan prestasi berada dalam keadaan yang baik dan berlaku peningkatan dari tahun ke tahun walaupun tidak konsisten. Hasil analisis selari dengan kajian terdahulu oleh Eza Ellany et. al. (2014), nilai skor dibawah 0.228 atau 22.8 peratus adalah nilai skor kecekapan lebihan zakat (SKORLZ) yang dianggap berprestasi baik walaupun belum mencapai tahap prestasi agihan yang optimum dimana semua kutipan hendaklah diagihkan kesemuanya iaitu dengan nilai skor 0. Berdasarkan Jadual 5, hampir keseluruhan setiap tahun mendapati skor prestasi kecekapan agihan lebihan zakat berada dibawah nilai 0.228 iaitu pada tahun 2002 hingga 2010 dan 2012 hingga 2013 dimana prestasi terbaik dicatatkan pada tahun 2000 dengan nilai skor 0.02 hampir kepada nilai optimum 0.00 dan diikuti pada tahun 2010 dengan nilai skor 0.03. manakala skor terendah dicatatkan pada tahun 2000 dengan nilai skor 0.51.

Bagi prestasi kecekapan agihan zakat berbentuk bukan kewangan pula, nilai skor dibawah 0.46 dianggap berprestasi baik bagi skor kecekapan keutamaan kategori asnaf mengikut mazhab Imam As-syafie (SKORKA). Berdasarkan Jadual 5, hasil mendapati prestasi kecekapan agihan mengikut keutamaan asnaf bagi MAINJ berada di tahap yang baik dimana tiada tahun yang mencatatkan nilai skor prestasi kecekapan keutamaan asnaf di bawah nilai 0.46. nilai skor terbaik dicatatkan hanya pada tahun 2005 hingga 2006, 2008 dan 2010 hingga 2013 dengan nilai skor kesemuanya adalah 0.46.

Hubungan antara prestasi kewangan dalam aspek kecairan dan keuntungan dengan prestasi kecekapan agihan dalam aspek lebihan agihan zakat dan keutamaan asnaf dapat dirumuskan dalam Jadual 5. Prestasi yang baik yang ditunjukkan oleh nilai skor dalam kedua-dua aspek dapat ditunjukkan melalui nilai yang telah digelapkan. Berdasarkan Jadual 5, kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara prestasi kewangan dengan prestasi agihan zakat berbentuk kewangan MAINJ. Namun terdapat hubungan yang tidak signifikan antara prestasi kewangan dengan prestasi keutamaan asnaf. Justeru hasil kajian ini berjaya membuktikan secara deskriptif wujud hubungan antara prestasi kewangan MAINJ dan prestasi pengagihan zakat oleh MAIN berbentuk kewangan tetapi tidak signifikan bagi prestasi agihan berbentuk bukan kewangan (keutamaan asnaf).

#### **4.1 Analisis Corak Agihan Zakat**

Daripada hasil analisis terperinci melibatkan prestasi agihan zakat, Jadual menunjukkan peratusan agihan dana zakat bagi setiap kategori asnaf sepanjang tempoh 14 tahun bermula dari tahun 2000 hingga 2013. Asnaf fakir dan miskin di gabungkan bagi tujuan penyeragaman kerana data yang diperolehi bagi tahun 2000 sehingga 2006 tidak diasingkan untuk agihan zakat asnaf fakir dan miskin. Asnaf fakir dan miskin adalah golongan paling utama dalam menerima agihan zakat mengikut pandangan mazhab As-syafie. Kedua-duanya secara amnya adalah golongan yang pendapatannya



hampir tiada atau pendapatannya belum cukup untuk menampung keperluan hariannya. Kajian mendapati berlaku peningkatan dalam agihan zakat untuk asnaf fakir dan miskin dari tahun ke tahun, peningkatan ini disebabkan keseriusan daripada pihak MAINJ dalam usaha-usaha meningkatkan taraf hidup asnaf dan dalam membasmi kemiskinan di negeri jodoh dengan mempelbagaikan bantuan serta program-program pembangunan asnaf yang dijalankan. Corak agihan dana zakat bagi asnaf fakir didapati meningkat setiap tahun sebanyak 1.88 peratus dan signifikan pada aras keertian 5 peratus.

Amil pula adalah mereka yang dilantik oleh pemerintah yang bertanggungjawab menguruskan dana zakat daripada kutipan sehinggalah agihan. Dana agihan zakat kepada amil di MAINJ ini termasuklah gaji dan elaun yang diperuntukkan untuk kakitangan pengurusan dan pentadbiran, sagu hati untuk amil yang dilantik mengutip zakat fitrah dan harta, kursus dan latihan kakitangan dan amil, kos pengurusan seperti percetakan dan kos penyelenggaraan harta. Bagi asnaf amil secara keseluruhannya berlaku penurunan peratusan agihan zakat untuk amil dari tahun ke tahun. Kadar peratusan agihan kepada amil ini dilihat menurun adalah berkemungkinan disebabkan beberapa faktor seperti penggunaan teknologi masa kini yang membolehkan orang ramai untuk membayar zakat melalui pemotongan gaji, pembayaran melalui perbankan internet dan juga baru-baru ini pembayar zakat boleh membayar zakat melalui sistem pesanan ringkas (SMS). Kemudahan ini mampu menjimatkan perbelanjaan dengan mengurangkan tenaga kerja dan mengurangkan agihan kepada asnaf amil selaku yang yang menguruskan dana zakat tersebut. Selain itu juga hasil temu ramah dengan pihak MAINJ<sup>4</sup> juga mereka juga mengurangkan pengambilan pekerja baru dan pengambilan juga dibekukan dan ianya sedikit sebanyak mengurangkan kadar peratusan agihan zakat kepada amil. Hasil regresi menunjukkan bahawa dengan peningkatan 1 unit dalam tahun, maka peratus agihan zakat untuk asnaf amil akan menurun sebanyak 1.11 peratus. Corak agihan dana zakat bagi asnaf ini pula didapati menurun tetapi signifikan pada aras keertian 5 peratus. Berdasarkan Jadual 5 corak peratusan agihan bagi asnaf Muallaf pula adalah tidak konsisten dimana terdapat tahun yang berlaku peningkatan dan penurunan dalam peratusan agihan zakat setiap tahun. Corak agihan dana zakat bagi asnaf ini pula didapati menurun tetapi tidak signifikan pada aras keertian 5 peratus.

MAINJ mentakrifkan asnaf *ibn sabil* sebagai orang yang terputus bekalan (perbelanjaan) semasa perjalanan (safir) dan orang yang hendak memlukan perjalanan yang diharuskan oleh syarak. Di Johor agihan zakat asnaf *ibn sabil* seperti penajaan perjalanan pelajar yang menuntut di luar negara dan juga bantuan untuk mereka yang musafir terkandas ketika dalam permusafiran. Berdasarkan Rajah 4, peratusan agihan asnaf *ibn sabil* meningkat bermula tahun 2000 sehingga 2007 dan menurun secara mendadak pada tahun 2008 dan menaik dan menurun mengikut tahun tertentu. Corak agihan dana zakat bagi asnaf *ibn sabil* didapati meningkat tetapi tidak signifikan pada aras keertian 5 peratus. Manakala bagi asnaf *al-gharimin* pula adalah mereka yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri keluarga, tanggungannya dan masyarakat dan tidak mampu menyempurnakan hutang tersebut seperti yang ditakrifkan oleh MAINJ. Berdasarkan Jadual 4, peratusan agihan bagi asnaf *al-gharimin* secara keseluruhan menunjukkan peningkatan. Jumlah peratusan ini meningkat secara mendadak bermula pada tahun 2008 sehingga 2012. Keadaan ini mungkin disebabkan pertambahan asnaf *al-gharimin* disebabkan krisis ekonomi dunia yang turut memberikan kesan kepada negara dan krisis berakhir sekitar tahun 2012. Ia juga menunjukkan bahawa dengan peningkatan 1 unit dalam tahun, maka peratus agihan zakat untuk asnaf *al-gharimin* akan meningkat sebanyak 0.09 peratus. Corak agihan dana zakat bagi asnaf *al-gharimin* didapati meningkat dan signifikan pada aras keertian 5 peratus.

Secara Keseluruhan asnaf *fisabilillah* adalah antara penerima terbesar dana agihan zakat pada hampir setiap tahun di Johor. Peratusan terbesar dana zakat diterima pada tahun 2006 dengan 62.6 peratus agihan zakat untuk asnaf *fisabilillah*. Akan tetapi berdasarkan Rajah 6, peratusan agihan zakat kepada asnaf *fisabilillah* secara keseluruhan berlaku penurunan walaupun jumlah sebenar agihan semakin meningkat. Hasil regresi di Jadual 5 menunjukkan bahawa dengan peningkatan 1 unit dalam tahun, maka peratus agihan zakat untuk asnaf *fisabilillah* akan menurun sebanyak 0.75 peratus. Corak agihan dana zakat bagi asnaf ini pula didapati menurun tetapi tidak signifikan pada aras keertian 5 peratus.

<sup>4</sup> Penolong Pengarah Bahagian Zakat, MAINJ, Ustaz Azlan bin Abdullah

## 5.0 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Secara keseluruhan, prestasi kewangan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) Menunjukkan prestasi yang memberansangkan dan semakin meningkat, walaupun nilai skor yang diperolehi kurang konsisten. Tahap kecairan yang memberansangkan membuktikan kemampuan MAINJ dalam memenuhi tanggungan dan liabiliti. Tambahan nilai kecairan yang tinggi membolehkan penambahan pelaburan bagi yang mampu memberikan pulangan. Bagi nisbah kesolvenan juga menunjukkan MAINJ mempunyai kedudukan kewangan yang baik ini kerana daripada pemerhatian, MAINJ tidak memiliki liabiliti jangka panjang dan sekaligus mampu melancarkan lagi pengurusan kewangan MAINJ. Selain itu, margin aliran tunai menunjukkan prestasi yang baik ini menunjukkan keupayaan MAINJ dalam menguruskan kewangan untuk masa hadapan dengan lebih selesa. Oleh itu, analisis kewangan yang baik dan cekap adalah amat dititik beratkan oleh MAINJ kerana institusi ini menjadi cermin kepada umat islam menguruskan kewangan dalam memastikan kemajuan ekonomi umat islam terjamin dan juga sebagai badan yang bertanggungjawab dalam pengurusan zakat di Negeri Johor. Perkara ini selari dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (negeri Johor) 2003, bahagian II, Fasal 7 yang menyatakan bahawa menjadi kewajipan kepada Majlis (MAINJ) dalam memestikan kemajuan ekonomi dan sosial orang islam dengan menjalankan aktiviti yang mampu memberikan keuntungan kepada Majlis seperti melabur dalam pelaburan yang dibenarkan sebagaimana yang ditakrifkan oleh Akta Pemegang amanah 1949 [Akta 208] seterusnya dapat memberikan keuntungan kepada masyarakat secara amnya di Negeri Johor.

Pengurusan agihan zakat di Johor sepenuhnya adalah dibawah pengurusan MAINJ seperti yang termaktub dalam Enakmen 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor (2003) Bahagian VI dimana Baitulmal, Zakat & Fitrah dan Wakaf telah diletakkan secara khusus dibawah pentadbiran MAINJ. Berbeza dengan sebahagian pengurusan zakat di negeri lain yang mana terdapat sebahagian negeri agihan zakat diuruskan oleh lembaga zakat negeri yang telah dilantik dan di swastakan. Secara keseluruhan prestasi agihan zakat berbentuk kewangan menunjukkan prestasi yang semakin meningkat dimana agihan zakat memenuhi kehendak kajian iaitu dalam mengoptimumkan agihan zakat dimana hasil kutipan yang dibuat perlulah diagihkan kesemuanya atau sifar lebihan kutipan, walaupun tidak seratus peratus agihan dibuat pada setiap akhir tahun, tetapi secara keseluruhan agihan diatas indikator tahap skor yang baik. Walaubagaimanapun, kaedah penentuan kecekapan prestasi agihan zakat melalui analisis lebihan zakat hendaklah diperhalusi, ini kerana ia masih belum cukup dalam menentukan kecekapan prestasi sebenar agihan zakat insitusi zakat khususnya MAINJ terutama jurang tempoh waktu dan agihan dilaksanakan. Ini kerana, kutipan zakat yang diperolehi pada sepanjang tahun adalah tidak konsisten dimana kebiasaanya kutipan mencapai waktu puncak pada bulan Ramadhan dan dipenghujung tahun. Ini menyebabkan berlakunya lebihan zakat semasa. Selain itu, Hasil sumber dari perseorangan yang diperolehi<sup>5</sup>, dalam mengoptimum agihan zakat bagi MAINJ bagi setiap akhir tahun adalah sukar kerana timbul beberapa faktor antaranya, zakat yang diperolehi pada hujung tahun yang menyebabkan agihan tidak sempat di agihkan untuk tahun tersebut.

Kajian ini juga memfokuskan kecekapan agihan berbentuk bukan kewangan dengan perlaksanaan agihan yang adil perlu mengikut keutamaan asnaf mengikut mazhab As-Syafie. Hasil kajian menunjukkan MAINJ dapat mencapai prestasi agihan mengikut keutamaan asnaf yang dikehendaki. Jika dilihat pada jumlah agihan yang diagih kepada setiap asnaf, hampir keseluruhan setiap tahun menunjukkan golongan asnaf *fisabilillah* adalah penerima terbanyak zakat dan ini memberikan kesan kepada skor nilai kecekapan keutamaan asnaf di mana ia menunjukkan hampir keseluruhan setiap tahun skor berada di tahap kecekapan 0.46 dan tidak dapat mencapai di bawah 0.46. Ini tidak selari dengan kajian Eza Ellany et. al (2014) dimana dalam meningkat prestasi agihan berbentuk bukan kewangan agihan hendaklah diagih mengikut keutamaan dan mencapai nilai skor di bawah 0.46. Walau bagaimanapun, hasil perbincangan dengan orang perseorangan<sup>6</sup>, antara faktor kepada tidak memenuhi keutamaan asnaf ini adalah, asnaf *fisabilillah* memerlukan dana yang lebih besar dalam menampung keperluan asnaf ini berbanding asnaf fakir dan miskin. Sebagai contoh,

<sup>5</sup> Penolong Pengarah Bahagian Zakat, MAINJ, Ustaz Azlan bin Abdullah

<sup>6</sup> Penolong Pengarah Agihan Zakat, MAINJ 2016, Ustaz Shafie bin Mustapha

antara penerima bagi asnaf *fisabilillah* merangkumi pentadbiran dan pengurusan pelajaran dan pendidikan seperti Pusat Pengajian Tinggi Bahasa Arab Johor, Maahad Johor, Maahad Pontian dan Sekolah Menengah Agama Parit raja yang mana pusat pendidikan ini adalah dibawah selian MAINJ dan memerlukan dana yang besar untuk membiayainya pengurusanannya. Selain itu juga, penuntut universiti luar negara juga dibawah dana asnaf *fisabilillah* yang kebanyakannya adalah penuntut bidang agama daripada universiti timur tengah iaitu Mesir dan Jordan dan memerlukan dana yang lebih besar bagi setiap individu yang ditaja melalui zakat berbanding dana yang diagih kepada setiap individu dalam golongan asnaf fakir dan miskin. Selain itu juga, agihan seperti elaun imam, bilal dan noja masjid dan surau, bantuan kursus diploma pendidikan, bantuan dana masjid dan surau, sagu hati penghafaz Al-Quran dan lain-lain dana dibawah agihan asnaf *fisabilillah*. Walau bagaimanapun, daripada analisis regresi corak agihan menunjukkan penurunan peratusan agihan zakat bagi asnaf *fisabilillah*. Akan tetapi dari segi jumlah agihan semakin bertambah mungkin disebabkan jumlah agihan bagi asnaf *fisabilillah* adalah konsisten akan tetapi kutipan semakin meningkat menyebabkan peratusan agihan kepada asnaf *fisabilillah* semakin menurun. Akan tetapi secara keseluruhan MAINJ memperlihatkan kesungguhan dalam memenuhi keutamaan agihan zakat kepada asnaf. Ini dapat dilihat daripada peningkatan dari tahun-tahun agihan kepada asnaf fakir dan miskin yang mana keduanya ini adalah golongan yang paling utama menerima zakat. Pelbagai skim-skim bantuan dan program turut diatur dalam memastikan golongan ini terbela.

Selain daripada mempelbagaikan skim dan program, Perkara yang perlu dititik beratkan dalam memastikan tidak berlaku keciciran dalam senarai penerima asnaf yang layak adalah dengan meningkatkan kecekapan dalam pengurusan pengumpulan data-data asnaf yang layak menerima zakat. Perkara ini termasuklah dengan melakukan bancian dan pengumpulan data-data asnaf yang lebih sistematik dan tersusun. Kebiasaannya golongan asnaf fakir dan miskin mereka menetap di kawasan-kawasan pedalaman dan ada diantara mereka adalah daripada kaum asli yang tinggal di pedalaman dan ini menyukarkan dalam usaha-usaha menjejaki asnaf ini. Penempatan amil agihan zakat di setiap mukim dilihat dapat menangani masalah ini, perkara ini dibuktikan dengan keberkesanan agihan apabila dapat menyelesaikan masalah 700 kes asnaf tercicir di negeri Johor<sup>7</sup>. Dengan yang demikian, kecekapan agihan zakat kepada asnaf yang memerlukan dapat dipertingkatkan.

Selain itu, agihan zakat yang lebih meluas kepada semua golongan asnaf juga dapat mengimbangi agihan zakat dengan lebih adil. Ini termasuklah pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf *al-riqab* dimana data menunjukkan tiada agihan diberikan kepada golongan ini di Johor. Ini adalah disebabkan perkataan asnaf *al-riqab* ditarifkan sebagai hamba dan telah diguna pakai di Johor. Agihan kepada hamba dilihat tidak relevan memandangkan masa kini sudah tidak menguna pakai sistem perhambaan di dalam maysarakat. Walaubagaimanapun, istilah *al-riqab* ini boleh diperluaskan seperti mana yang diguna pakai oleh majlis fatwa negeri selangor yang mentakrifkan asnaf *al-riqab* bukan sekadar ‘hamba’ semata, malah ia juga di takrifkan sebagai mereka yang terbelenggu dibawah sesuatu kekuasaan termasuklah terbelenggu dengan masalah sosial dan masalah akidah seperti golongan penagih dadah<sup>8</sup> yang terbelenggu dengan masalah sosial dan mempunyai keinginan untuk bebas daripada masalah tersebut. Golongan ini diberikan zakat dalam membantu mereka keluar daripada belenggu kesalahan tersebut. asnaf *al-riqab* juga telah diperuntukkan sebagai penerima zakat di Negeri Sembilan dengan menyenaraikan asnaf demasiswa sebagai penerima bermula pada tahun 2003. Oleh yang demikian, definisi atau pentakrifan boleh diperluaskan dalam aspek pembebasan daripada kejahilan, politik, ekonomi, sosial dan sebagainya.

<sup>7</sup> <http://www.sinarharian.com/edisi/johor/maij-lantik-amil-ikut-mukim-1.527013>, dicapai pada 31 mei 2016

<sup>8</sup> Sumber diperoleh daripada laman sesawang Jabatan Mufti Negeri Selangor. Artikel: Hukum Penggunaan Wang Zakat Asnaf Riqab Bagi Mereka Yang Terbelenggu Dengan Masalah Sosial Dalam Menjamin Akidah Umat Islam Agar Kembali Ke Pangkal Jalan

Walaupun prestasi pengurusan kewangan dan agihan MAINJ ini telah diuruskan dengan sebaik mungkin dan terdapat pelbagai ruang dalam menambah baik pengurusan sedia ada. Selain itu usaha-usaha pihak MAINJ dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat juga perlu diberi pujian yang mana menunjukkan peningkatan pada jumlah kutipan pada setiap tahun dan seterusnya pengurusan agihan perlu ditingkatkan seiring dengan peningkatan kutipan zakat. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan kayu ukur kepada prestasi pengurusan kewangan dan prestasi agihan zakat MAINJ dan juga dapat meningkatkan keyakinan pembayar zakat

## 6.0 KESIMPULAN

Prestasi kecekapan pengurusan sesebuah institusi sering dikaitkan dengan keyakinan masyarakat kepada institusi tersebut dimana prestasi pengurusan yang cekap akan menambahkan kepercayaan masyarakat. Institusi zakat juga tidak terlepas daripada permasalahan ketidakpercayaan masyarakat Islam kepada institusi tersebut yang berauthoriti dalam menguruskan zakat. Prestasi agihan zakat yang cekap adalah sesuatu yang dipandang penting oleh masyarakat Islam terutamanya dalam pembayar zakat dimana prestasi agihan zakat yang cekap memberikan kesan pada kutipan zakat pada masa akan datang. Dalam memastikan agihan berada pada prestasi terbaik majlis agama Islam negeri sebagai badan induk yang bertanggungjawab atas pengurusan zakat negeri perlu ditadbir urus dengan baik terutamanya dalam hal-hal kewangan seperti yang termaktub dalam Enakmen 16, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor (2003) Bahagian VI Fasal 86 hingga 88 yang memperuntukkan MAINJ sebagai insitutsi yang bertanggungjawab mengurus dan mentadbir zakat di negeri Johor. Ini kerana kecekapan prestasi kewangan amat berkait rapat dengan pengurusan agihan dana zakat dan prestasi pengurusan kewangan yang cekap dan telus mampu memberikan kesan positif terhadap pengurusan zakat terutamanya aspek pengagihan zakat. Justeru, Institusi zakat perlu memastikan aspek kecekapan pengurusan kewangan dan agihan menjadi faktor utama dalam memastikan keberkesanan pengurusan zakat sesebuah negeri disamping meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi ini. Selain itu, segala usaha majlis agama Islam negeri dalam meningkatkan prestasi dan kecekapan perlu disokong dan didokong oleh semua lapisan masyarakat termasuklah pembayar dan penerima zakat supaya institusi ini terus kukuh dalam menguruskan dana zakat di Malaysia.

## Penghargaan

Kajian ini merupakan penyelidikan dari dana CRIM GGP-UKM-2014-008

## Rujukan

- Ahmad Shahir, M, & Adibah, A.B, 'Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Isu Dan Cabaran' (Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam, 2010)
- Andres-Alonso, de. P, Martin Cruz, N. & Romero-Merino, M.E, 'The governance of nonprofit organizations: Empirical evidence from nongovernmental development organizations in Spain' *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 35/4 (2006): 588-604.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor), 2013 [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State\\_Enact\\_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/ddb20ace9c8593cd482571220004cf0f?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/ddb20ace9c8593cd482571220004cf0f?OpenDocument).
- Eza Ellany, Mohd Rizal & Mohamat Sabri, 'Prestasi kecekapan agihan kewangan dan bukan kewangan dalam kalangan institusi zakat di Malaysia' *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48/2 (2014): 51-60.
- Faiz Mat Isa, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad, 'Pengkukuran prestasi menggunakan nisbah aliran tunai dan nisbah tradisi: perbandingan di antara Majlis Agama Islam Selangor dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak' (Prosiding *International Conference Muamalat, Economic & Islamic Finance*, 2014: 310-325)

- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader, 'Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat Islam tidak berpuas hati?' *Jurnal Syariah*, 17/1 (2009): 89-112.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Nor & Maryam Abd Rashid, 'Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Agihan zakat: Perbandingan antara Majlis Agama Islam Negeri'. Dalam *Isu Kontemporari agihan zakat di Malaysia*, ed. Nor Aini Ali et.al. (Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), 2015: 21-35).
- Ismail Ahmad & Masturah Main, 'The efficiency of zakat collection and distribution: Evidence from two stage analysis' *Journal of Economics and Development* 35/3 (2014): 133-170.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. Hukum Penggunaan Wang Zakat Asnaf Riqab Bagi Mereka Yang Terbelenggu Dengan Masalah Sosial Dalam Menjamin Akidah Umat Islam Agar Kembali Ke Pangkal Jalan. <http://www.muftiselangor.gov.my/ms/fatwa-tahunan/2010-terkini>.
- Laporan Tahunan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Johor 2010-2013.
- Laporan Tahunan Kutipan dan Agihan Zakat Majlis Agama Islam Negeri Johor 2010-2013
- Mahadi, Md., & W.Md. Khairul Firdaus, W.K. Falsafah pengagihan zakat menurut Islam.
- Majlis Agama Islam Negeri Johor. <http://www.majj.gov.my>.
- Mannan M.A, (2003) 'Public Sector Management of Zakat' dalam *Zakat and Poverty Alleviation*, ed Hannan S.A. (Dhaka: Islamic Economics Research Bureau).
- Maxwell Samuel Amuzu, 'Cash flow ratio as a measure of performance of listed companies in emerging economies: the Ghana example' (St. Clements University, Turks and Caicos Islands Dissertasion, 2014)
- Md Hairi, Kamil & Ram Al Jaffri, 'Ketelusan di dalam tadbir urus institusi zakat' (Prosiding *Seminar Isu-isu kontemporari Zakat di Malaysia*, 2012: 63-74).
- Mohamad Uda, Kasim. *Zakat: Teori, Kutipan dan Agihan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2013)
- Nor Azlina, A.W., & Abd. Rahim, A.R, 'A framework to analyse the efficiency and governance of zakat institutions', *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2/1 (2011): 43-42.
- Othman, S & Luqman, A, 'Pengurusan zakat Asnaf Mualaf di Negeri Johor: satu sorotan' *Jurnal Fiqh*, 11 (2014): 29-54.
- Pamawati, Ibrahim, 'Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal. *Jurnal Syariah*, 17/2 (2008): 223-244.
- Ram Al Jaffri Saad, Zainol Bidin, Kamil Md. Idris & Md Hairi Md Hussain, 'Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan' *Jurnal Pengurusan*, 30 (2010): 49-61.
- Rashidah Unos, Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, 'Zakat: Analisis perubahan corak agihan di Negeri Sembilan' dalam *Isu Kontemporari agihan zakat di Malaysia* ed. Nor Aini Ali et. al. (Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), 2015: 179-195).
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid, 'Persepsi Agihan Zakat Dan Kesannya Terhadap Pembayaran Melalui Institusi Formal' *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 39 (2005) 53- 69.

**Jadual 3: Prestasi Aliran Tunai dan kecekapan agihan zakat MAINJ**

Item	Tahun														Purata
	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	
Kecairan (ATO/JLS)	1.64	2.33	0.09	1.36	0.47	0.85	1.11	0.74	1.12	0.81	0.28	-0.12	6.89	0.32	1.28
Kesolvenan (ATO/JL)	na	na	na	na	na	na	na	na	na	na	na	na	na	na	-
Keuntungan (ATO/JP) [%]	73.56	65.53	2.64	47.96	32.26	25.87	28.84	17.35	30.34	23.85	9.48	-5.26	25.13	9.30	27.63
Nilai skor kecekapan agihan zakat (SKORLZ)	0.51	0.29	0.02	0.22	0.21	0.20	0.16	0.08	0.22	0.12	0.03	-0.10	0.16	0.20	0.16
Nilai skor kecekapan keutamaan asnaf (SKORKA)	0.54	0.54	0.54	0.54	0.54	0.46	0.46	0.54	0.46	0.5	0.46	0.46	0.46	0.46	0.46

Nota: ATO/JLS; nilai >0.4: memenuhi kriteria kecairan;

ATO/JL; nilai >0.2: memenuhi kriteria kesolvenan

ATO/JP; nilai positif: memenuhi kriteria keuntungan

SKORLZ: nilai antara 0 hingga 1; lebihan zakat di bawah nilai 0.228 adalah sebagai skor terbaik

SKORKA: nilai skor di bawah 0.46 sebagai skor kecekapan keutamaan asnaf terbaik

na tiada data

**Jadual 4: Peratus Agihan Zakat Mengikut Asnaf (2001-2013)**

Tahun	Peratus Agihan Mengikut Asnaf							Masa (t)
	Fakir/Miskin	Amil	Muallaf	Al-Riqab	Ibn Sabil	Garimin	Fisabilillah	
2000	20.51	27.47	8.626	0	0.012	0.274	43.105	0
2001	20.67	21.50	8.979	0	0.012	0.525	48.202	1
2002	18.95	12.10	5.561	0	0.070	0.682	62.622	2
2003	24.29	20.54	9.803	0	0.087	0.517	44.751	3
2004	27.23	23.88	9.105	0	0.289	0.628	38.873	4
2005	36.38	22.75	8.837	0	0.350	0.728	30.959	5
2006	36.87	19.06	8.663	0	0.428	0.631	34.343	6
2007	29.14	16.03	9.241	0	0.070	0.749	44.593	7
2008	31.59	15.16	7.868	0	0.169	2.283	42.931	8
2009	34.02	11.50	9.103	0	0.200	2.169	43.009	9
2010	37.54	11.41	7.712	0	0.130	2.221	40.984	10
2011	32.89	10.35	6.09	0	0.087	2.630	47.950	11
2012	42.34	10.95	7.581	0	0.186	0.357	38.592	12
2013	50.25	10.48	6.650	0	0.161	0.394	32.058	13

Sumber: Diolah daripada Laporan Tahunan Kewangan MAINJ dan Laporan Agihan zakat MAINJ pelbagai tahun.

**Jadual 5: Hasil Regresi Peratus Agihan Zakat Mengikut Asnaf (2001-2013)**

Pembolehubah	Asnaf (Y)						
	Fakir&Miskin	Amil	Muallaf	Al-Riqab	Ibn Sabil	Al-Gharimin	Fi-sabilillah
c (a)	19.40842	23.85857	8.891086	0.0000	0.118514	0.461143	47.22503
t (b)	1.878818	-1.108099	-0.117101	0.0000	0.006503	0.091560	-0.749213
t-statistik	6.413427	-4.591349	-1.439807	n/a	0.781891	1.748242	-1.491485
Prob.	0.000033	0.000620	0.175496	1.000	0.449431	0.105933	0.161648